

COVID-19: 45 pulih, enam kes baharu termasuk Kluster Bukit Bintang
Astro Awani
24 Jun 2020
Nursyazwani Saiful Sham,

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) pada Rabu memaklumkan seramai 45 pesakit COVID-19 telah pulih dan dibenarkan discaj sejak Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata secara keseluruhan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah 8,231 kes atau 95.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, sehingga jam 12 tengah hari Rabu, terdapat enam kes positif COVID-19 baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes positif adalah sebanyak 8,596 kes.

“Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 244 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

“Daripada enam kes baharu yang dilaporkan, dua kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan seorang warganegara Malaysia dan seorang pemastautin tetap.

“Kesemua empat kes penularan di dalam negara adalah warganegara Malaysia,” katanya.

Perincian empat kes penularan dalam negara adalah seperti berikut;

- Selangor - Tiga kes;

- Satu kes saringan pusat tahfiz
- Satu kes daripada Kluster Kondominium Hulu Langat
- Satu kes daripada Kluster Bukit Bintang
- Sarawak: Satu kes daripada Kluster Tapak Pembinaan Kuching

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-45-pulih-enam-kes-baharu-termasuk-kluster-bukit-bintang-248539>